

10 JUL 2001

Pemuda-universiti

PEMUDA UMNO MAHU UNIVERSITI MCA TIDAK DIPERALATKAN PENENTANG KERAJAAN

JOHOR BAHRU, 10 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno Johor Baharu berharap MCA akan memastikan Universiti Tunku Abdul Rahman yang akan ditubuhkannya kelak tidak diperalatkan oleh mana-mana pihak untuk menentang kerajaan.

Ketuanya Abu Talib Alias, sambil mengucapkan tahniah kepada MCA kerana mendapat tawaran Kementerian Pendidikan membenarkannya menubuhkan universiti swasta itu, berkata jika universiti itu digunakan sebagai landasan menentang kerajaan, ia akan ditentang habis-habisan.

"Kami memberi sokongan penuh kepada keputusan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun kami di peringkat Pemuda Umno Bahagian Johor Baharu akan menentang habis-habisan sekiranya ada pihak bersandiwara dan menggunakan universiti ini sebagai landasan menentang kerajaan," katanya dalam satu kenyataan.

Universiti yang dicadangkan itu hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, katanya ketika mengulas laporan akhbar Ahad lepas yang memetik Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang berkata MCA telah menerima tawaran menubuhkan universiti itu daripada Kementerian Pendidikan melalui surat bertarikh 5 Julai.

Abu Talib berkata kebenaran bagi MCA menubuhkan universiti itu membuktikan ketelusan kerajaan Barisan Nasional dan ia seharusnya diterima oleh masyarakat Cina dengan tekad untuk terus menyokong MCA, sebagai parti komponen BN yang memperjuangkan nasib kaum Cina selama ini.

"Di samping itu juga, kami mendesak kerajaan supaya tidak lagi melayani sebarang tuntutan daripada pertubuhan-pertubuhan yang tidak sah seperti Suqui," katanya.

Pemuda Umno Johor Baharu juga menyarankan kerajaan memastikan semua Naib Canselor dan pengurusan universiti memahami dasar dan hasrat kerajaan untuk menjadikan generasi muda khasnya golongan siswa berwibawa untuk mewarisi kepimpinan kerajaan.

"Mereka (pengurusan universiti) hendaklah memastikan para pegawai dan pelajar mematuhi garis panduan yang dikawal oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti," kata Abu Talib.

Pemuda Umno Johor Baharu juga menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya syarat-syarat baru yang lebih tegas diperkenalkan untuk memastikan hanya pelajar yang benar-benar ingin belajar diterima masuk ke universiti supaya mereka tidak dipengaruhi pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pemuda Umno Johor Baharu juga mahu Kementerian Pendidikan meneruskan usaha untuk mewujudkan Sekolah Wawasan yang sebelum ini mendapat tentangan daripada pihak tertentu yang melihatnya sebagai ancaman terhadap kewujudan sekolah jenis kebangsaan.

-- BERNAMA

MNY MAI